

KONVENSYEN PEMIKIRAN AL-BANNA DALAM MELAKAR AGENDA BANGSA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ ، الرَّسُولِ الْأَمِينِ وَالْمُبْعُوثِ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اسْتَبْنَى بِسُنَّتِهِ وَسَلَكَ طَرِيقَهُ وَاقْتَدَى بِتَعَالِيمِهِ وَجَاهَدَ جِهَدَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَبَعْدُ:

Tuan-tuan dan puan-puan, saudara-saudari, ikhwah dan akhawat yang dikasihi sekalian, Saya ingin mengalu-alukan kehadiran anda semua ke **KONVENSYEN PEMIKIRAN AL-BANNA DALAM MELAKAR AGENDA BANGSA (KOBANNA)** yang buat julung kalinya dapat kita adakan seumpamanya di Dewan Seri Sarjana Universiti Tenaga Malaysia (UNITEN). Saya mengalu-alukan tuan-tuan dan puan-puan dengan aluan Islam yang indah lagi diberkati Allah s.w.t.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terimakasih juga kepada pihak UNITEN yang memberi kita peluang untuk menyewa dewan dan kemudahan ini. Dan ucapan terima kasih yang istimewa kepada Pengarah KOBANNA 2010 Ustaz Wan Hisham Wan Embung dan pasukannya yang bekerja keras sepanjang tempoh sebulan yang lalu sehingga hari ini.

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izinnya Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) telah berkembang dengan pesat dan kini mula memperlihatkan peranan dan kepentingannya kepada masyarakat. ISMA tidak mahu ketinggalan dalam memberi apa sahaja daya usaha sekadar termampu demi kesejahteraan hidup bangsa dan negara.

Hari ini sekali lagi ISMA melakar sejarah dengan Konvensyen Pemikiran al-Banna Dalam Melakar Agenda Bangsa (KOBANNA) yang diadakan dalam keadaan orang Melayu dan masyarakat Islam di Malaysia sedang berhadapan dengan cabaran yang hakiki. Cabaran yang menguji keutuhan keperibadian dan jatidiri. Cabaran yang

memperlihatkan kecelaruan pemikiran politik dan mengungkap agenda bangsa. Justeru itu tema ini dipilih bagi konvensyen kali ini.

Relevansi Pemikiran al-Banna

Terlebih dahulu saya perlu selesaikan satu persoalan yang mungkin berlegar dalam fikiran sebahagian kita, yang merasa ganjil dan tertanya-tanya apakah relevannya dikaitkan agenda bangsa dengan Imam al-Syahid Hasan al-Banna, seorang warga Mesir yang jauh dari masyarakat kita sehingga kita mengadakan konvensyen yang seperti ini.

Jawapannya;

Sesiapa yang mengikuti sejarah kebangkitan Islam di negara ini dapat memahami dengan jelas bahawa sangat ramai dalam kalangan pendakwah, para ustaz dan pejuang Islam di Malaysia yang mengaut ilmu pengetahuan agama di Timur Tengah terutama Mesir. Selain dari belajar di Universiti al-Azhar mereka tentu pernah terlibat atau terkena sentuhan pemikiran tokoh-tokoh Islam terkemuka yang lahir di bumi ilmu itu termasuk Imam Hassan al-Banna (1906-1949) yang merupakan satu nama yang tersohor, yang mengangkat nama Mesir ke serata dunia pada zamannya sehinggalah hari ini.

Hubungan Malaysia dengan Mesir merupakan satu hubungan ilmu yang telah terjalin sekian lama, bahkan semenjak sebelum merdeka lagi. Oleh itu tajuk konvensyen ini bukanlah suatu yang asing untuk rakyat Malaysia khususnya golongan pendakwah kerana mereka telah menikmati hasil daripada hubungan Malaysia dan Mesir sejak tempoh yang cukup lama.

Adakah kita bermaksud untuk menanam kurma di ladang kelapa sawit?

Jawapannya;

Tidak! Kita tidak bermaksud fotokopi apa yang dilakukan oleh al-Banna di Mesir untuk dilaksanakan di Malaysia seperti membawa balik seponon kurma dan menanam semula

di Malaysia. Apa yang kita lakukan ialah cuba memahami intipati dakwah dan pemikiran beliau kemudian berijtihad, menyaring pemikiran tersebut berdasarkan pemahaman kita terhadap realiti di Malaysia.

Tentu ada perbezaan dari segi budaya, persekitaran sosio budaya, politik dan peranan sejarah yang tidak sama antara Malaysia dan Mesir. Ini menuntut kita bukan sekadar menukikan kata-kata atau meniru beberapa terma/pembawaan tetapi perlu menyelami rahsia (maqasid) disebalik pandangan, pendirian dan sikap yang diambil. Yang paling jelas isu dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Islam berlainan dengan isu masyarakat Islam di Mesir.

Kenapa sekarang?

Perkembangan terkini isu-isu dan permasalahan dalam negara telah memperlihatkan kepada kita permasalahan sebenar yang sedang dihadapi oleh umat Islam di Malaysia khususnya orang Melayu. Kegagalan dalam menangani isu-isu berkaitan dengan kepentingan agama dan bangsa secara bersama telah memperlihatkan kelemahan yang sangat nyata. Ia menunjukkan kepada satu perkara sahaja iaitu bahawa tiada satu agenda bangsa yang disepakati dalam kalangan kita. Politiking dan *hizbiyah* yang tidak dipandu oleh landasan dan disiplin telah menjadikan semua perkara boleh diniagapolitikkan. Fenomena ini telah menjadikan bangsa Melayu kelihatan satu bangsa yang lemah tidak memiliki kekuatan membuat keputusan yang merdeka untuk kepentingan mereka sendiri. Apatah lagi untuk menghadapi desakan-desakan dan agenda yang disokong di peringkat antarabangsa.

Saya tidak meletakkan puncanya kepada polan ini atau polan itu, tetapi lebih melihat kepada keperibadian umat secara keseluruhan. Apa yang kelihatan hanyalah simptom luaran, hakikatnya ialah pada struktur keperibadian kebangsaan Melayu itu sendiri. Jika ia menunjukkan kepada sesuatu, ia menunjukkan kegagalan gagasan yang sebelum ini yang mungkin tidak mengandungi agenda pembangunan bangsa yang menyeluruh. Maka lahirlah bangsa yang boleh hanyut mengikut apa sahaja seruan tanpa pedoman.

Kita tidak pernah menganalisis masalah bangsa secara menyeluruh, atau mungkin analisis kita hanya menyentuh persoalan luaran, lalu kita menghabiskan masa lebih lima puluh tahun dengan agenda-agenda tempelan. Hari ini kita melihat padahnya. Justeru masih tidak terlambat untuk kembali ke pangkal jalan. Balik kepada diri kita sendiri dan mulakan semula langkah dari awal. **Bagaimana? Itulah yang cuba kita jawab melalui konvensyen ini.**

Kenapa al-Banna

Kita memilih Imam al-Banna sebagai rujukan adalah kerana pemikiran beliau kekal segar sebagai pelopor pemikiran alternatif yang mendominasi pemikiran perubahan pada abad ini. Fakta menunjukkan pemikiran al-Banna berkembang sehingga hari ini kepada lebih 90 buah negara dan memiliki lebih satu juta pendokong yang aktif di medan masing masing (Ismail Hamid 2008).

Daripada kajian yang dibuat, saya mendapati Imam al-Banna adalah seorang yang hebat memahami cabaran pada zamannya. Kefahaman Islam sebagai sistem hidup yang syumul merangkumi segenap aspek kehidupan bukan didatangkan begitu sahaja, tetapi sebenarnya pemikiran yang paling sesuai untuk menghadapi agenda humanisme Barat yang sedang menguasai dunia hingga ke hari ini.

Tujuan pengutusan agama Islam dan kebangkitan Rasulullah s.a.w. yang sepatutnya menjadi risalah kepada sebuah bangsa Islam yang merdeka, tidak akan dapat di laksanakan tanpa kerangka pemikiran yang hebat seperti yang dibawa oleh Imam al-Banna. Hanya pemikiran al-Banna yang mampu bersemuka dengan pemikiran sekular Barat. Sehingga hari ini selepas 80 tahun berlalu, al-Banna masih lagi menjadi pencabar utama yang akan menggagalkan agenda Barat satu hari nanti. Pemikiran beliau adalah merupakan gagasan kebangkitan sebuah ummah atau bangsa yang dikaji daripada sejarah perjuangan berbagai-bagai bangsa di dunia sama ada Timur atau Barat.

Al-Banna dan Agenda Pembangunan bangsa

Imam al-Banna *al-Mulham al-Mauhub* (orang yang diberikan ilham oleh Allah dengan idea yang hebat) diakui oleh semua ulama dan pengkaji. Beliau berjaya menggali daripada intipati agama Islam satu formula, bagaimana dengan formula tersebut kita dapat mengembalikan kehidupan kepada jasad ummah yang sedang lumpuh.

“Sesungguhnya perkara pertama yang ditujui ikhwan muslimun ialah mentarbiah jiwa, memperbaharui ruh, memperkuat akhlak, membangunkan al-rujulah (kejantanan) yang betul pada diri umat. Mereka menganggap ia adalah asas pertama kepada kebangkitan mana-mana umat dan bangsa. Mereka (ikhwan) telah membentangkan semua wasilah dan jalan untuk sampai kepadanya, mereka tidak temui jalan yang paling hampir dan berkesan selain dari fikrah agama dan berpegang dengan perca-percanya”.

Kemudian beliau membilang ciri-ciri yang ada pada *ad-din* (agama) yang boleh menghidupkan umat yang lumpuh.

“ Ad-Din menghidupkan hati, membangkitkan perasaan. Ad-Din mengumpulkan nilai-nilai tinggi dan mulia. Ad-Din menyeru kepada pengorbanan demi kebenaran dan bermatian dalam memberi petunjuk kepada manusia. Ad-Din membeli dari seseorang habuan dunia dan kebendaan dengan kebahagiaan yang memenuhi hati dan jiwanya. Ad-Din dengan kesuciannya mengangkat seseorang menjadi lebih tinggi mengatasi semua jiwa, segala kepala dan bersih dari kepura-puraan dan ikut-ikutan, lalu dengan itu ia menyatukan hati-hati. Ad-Din mengangkat kesetiaan sehingga ke peringkat mati syahid. Ad-Din adalah tempat bertemu segala idea yang benar, segala cabang harapan dan simbol aspirasi individu, masyarakat, bangsa dan dunia” (Hal Nahnu Qaumun Amaliyyun: 95).

Al-Banna dan Nasionalisme (semangat kebangsaan)

Imam al-Banna memandang positif terhadap isu kebangsaan. Bahkan melihatnya sebagai satu keperluan dalam rangka mengembalikan keagungan Islam dan kedaulatan Negara.

“Umat yang sedang bangkit memerlukan kepada perasaan bangga dengan kaumnya sebagai satu bangsa yang agung, istimewa dan bersejarah sehingga terbentuk dalam diri generasi muda. Lantas mereka berjuang demi keagungan dan kemuliaan itu dengan darah dan roh mereka. Mereka bekerja demi kebaikan tanah air, kemuliaan dan kebahagiaannya”.

*“Umat-umat moden berusaha untuk memantapkan pengertian ini dalam diri pemuda-pemuda mereka, lelaki-lelaki dewasa dan anak-anak keseluruhannya. Sebab itu kita dengar slogan **“German mengatasi semua”**, **“Itali mengatasi semua”**, **“Pimpin! Wahai Britain! Pimpin dan perintah”**.”*

Perbezaan antara perasaan yang dibawa oleh Islam dengan perasaan yang dibawa oleh Barat ialah perasaan seorang Muslim tinggi sehingga bersambung dengan Allah s.w.t. sedangkan perasaan orang lain setakat percakapan sahaja. Dari aspek yang lain Islam menetapkan tujuan daripada penciptaan perasaan ini dan mengikatnya dengan batasan, menerangkan bahawa ia bukan asobiah bangsa atau kebanggaan palsu sebaliknya memimpin dunia ke arah kebaikan.

Maknanya kita memperjuangkan kemuliaan, menentang kehinaan dan menghormati nilai-nilai yang tinggi dalam setiap urusan dan perkara. Oleh itu perasaan ketuanan ini pada diri generasi awal Islam membawa kepada kemuncak keadilan dan kerahmatan. Padahal konsep ketuanan bangsa Barat tidak tertentu tujuannya selain asobiah yang palsu, kerana itu ia telah menyebabkan perbalahan dan permusuhan terhadap umat yang lemah. Seolah-olah konsep Islam mengambil aspek kebaikan daripada ketuanan dan mencetak penganutnya atas sifat itu, serta menjauhkan mereka dari kejahatan dan pelampauan. Menurut al-Banna lagi, tanahair Islam itu terbahagi kepada beberapa peringkat, bermula dengan watan khas bagi setiap muslim, kemudian tanah air umat Islam yang lain kemudian meluas kepada empayar Islam yang silam (Risalah Nahwa al-Nur: 161-162).

Hari ini lahir dalam kalangan orang Melayu sendiri yang ingin menghancurkan keperibadian kebangsaan mereka. Mereka mengatakan bahawa Melayu adalah rasis dan asobiah. Ini zaman *multiracial* dan kesamarataan mutlak, oleh itu kita tidak boleh bercakap atas nama Melayu. Lebih malang lagi ada dalam kalangan mereka cuba menafikan fakta sejarah mengatakan Melayu sebenarnya tidak ada. Ia hanya rekaan dan dongengan sejarah sahaja. Mereka telah termakan dengan hasutan musuh yang ingin menghapuskan keperibadian dan jatidiri mereka.

Kata pepatah Melayu “*kalau marahkan nyamuk jangan sampai kelambu dibakar*”. Kalau anda ingin marahkan beberapa orang Melayu yang anda dakwa rasuah atau korup, marahlah mereka. Tetapi jangan sampai menghancurkan keseluruhan keperibadian Melayu. Ada 14 juta orang Melayu yang tidak berdosa yang anda ingin nafikan kepentingan dan kewujudannya. Saya kesal ada dalam kalangan pemimpin Melayu yang bersungguh benar untuk menjadikan orang Cina sebagai menteri besar seolah sudah tidak ada lagi Melayu yang layak dan beliau adalah Melayu yang terakhir.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Wujud satu bangsa yang kuat dan beriman dengan risalahnya merupakan langkah pertama ke arah penegakan agenda Islam yang menyeluruh. Sejarah menunjukkan bahawa kuasa-kuasa Islam ditunjangi oleh sebuah bangsa yang kuat. Tanpa bangsa yang kuat yang mendokong risalah Islam, agenda umat tidak mungkin akan dapat ditegakkan.

Islam lemah di tanah Arab kerana Arab lemah.

Islam lemah di Turki kerana bangsa Turki lemah.

Islam lemah di tanah Melayu kerana Melayu lemah.

Dan begitulah seterusnya.

Islam kuat dengan penganut yang kuat

Sebelum kebangkitan Nabi Mohamad s.a.w. Allah s.w.t. telah memilih Bani Israel sebagai kaum yang membawa risalah Islam. Tetapi Bani Israel mengkhianati amanah. Allah memilih bangsa Arab untuk memikul amanah kepimpinan Islam. Mereka melaksanakan tanggungjawab dan Islam berada di bawah kepimpinan Arab selama sembilan kurun. Kemudian Arab menjadi lemah, kepimpinan Islam beralih kepada bangsa Turki/Saljuk. Mereka memimpin selama lima kurun sehingga mereka lemah dan kalah.

Bangsa Melayu pernah memimpin Islam di rantau ini selama 200 tahun sehingga mereka dikalahkan oleh penjajah Portugis dan menerima untuk bernaung di bawah kuasa penjajah Barat. Demikian kepimpinan berpindah tangan silih berganti dari satu bangsa ke satu bangsa.

“Dan jika kamu berpaling Allah akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, kemudian mereka tidak menjadi seperti kamu” (Surah Muhammad: 38).

Oleh itu untuk menjayakan agenda Islam yang besar hendaklah bermula dengan membangunkan sebuah bangsa yang kuat. Inilah agenda yang patut kita bersatu di atasnya. Hari ini, oleh kerana agenda ini ghaib dari pemikiran, kita bergaduh, berpecah dan berpatah arang, lalu jadilah kita umat yang dipolitikkan (*musayyasah*) dan berjuang hanya untuk agenda orang lain.

Kenapa kita menyeru kepada membangunkan bangsa?

Adakah ia satu asobiah yang bercanggah dengan Islam atau saya seorang yang rasis?

Imam al-Banna Rahimahullah menjelaskan pendirian terhadap nilai kebangsaan. Beliau membahagikan perkauman kepada beberapa jenis.

1. Perkauman yang berbangga dengan kehebatan dan keagungan datuk nenek
2. Perkauman umat yang setiap orang mengutamakan keluarga dan umatnya dalam kebajikan dan kebaikannya dan lebih berhak terhadap jihad dan ihsannya,
3. Perkauman tanzimi (organisasi) di mana semua orang merasai tanggungjawab untuk beramal dan berjihad, maka setiap jamaah berjuang melaksanakan matlamat bagi pihaknya sehingga Insya Allah kita bertemu di medan kemenangan, maka itu adalah sebaik-baik semangat kebangsaan (qaumiyyah).

Ada pun *qaumiyah* yang menghidupkan nilai jahiliah, menghidupkan upacara-upacara yang dah lapuk atau luput, dan qaumiyyah yang menyalakan api permusuhan, satu kaum memandang rendah kepada kaum yang lain, maka itu konsep yang tercela dan tiada kebaikan untuk manusia (Dakwatuna: 138-139).

Ibn khaldun (1406) dalam Muqadimahnyanya menamakan tajuk untuk fasal ke-6 sebagai **Dakwah agama tanpa asobiah tidak sempurna**. Beliau berhujah dengan sebuah hadis sahih yang bermaksud Allah s.w.t tidak membangkitkan seorang nabi kecuali didokong oleh kaumnya. Menurut beliau lagi, jika ini keadaan para Nabi a.s. yang merupakan manusia yang mendapat kedudukan khusus di sisi Allah s.w.t, maka lebih-lebih lagilah kita orang biasa. Dalam hadis yang bermaksud, “Barang siapa yang melihat kemungkaran hendaklah ia mengubah dengan tangan, jika ia tidak mampu maka dengan lisan dan jika ia tidak mampu maka dengan hatinya”.

Menurut Ibn Khaldun (1406) Nabi s.a.w mengaitkan mengubah kemungkaran dengan kemampuan. Oleh itu, untuk mengubah kerajaan yang kukuh tidak mungkin berlaku kecuali dengan satu tuntutan yang kuat yang dilindungi oleh asobiah (Mukaddimah 105). Asobiah diterjemahkan kepada kekuatan untuk memaksa kehendak. Menurut Imam al-Juwaini (1987) dalam *Ghiyathul Umam*, mandat semata-mata tidak cukup untuk memberi keabsahan kepada kepimpinan Islam tanpa disokong oleh kekuatan atau *syaukah*.

Ibn Khaldun (1406) mentafsirkan syarat keturunan Quraisy pada seorang imam yang sah sebagai asobiah. Hukum syara’ seluruhnya mesti mengandungi maqasid dan hikmah,

Kami mengkaji apakah hikmah disebalik pensyaran keturunan Quraisy. Setelah memeriksa kaedah *sabru wa taqsim* segala andaian kami mendapati tiada maksud lain kecuali perkiraan asobiah yang dengan itu wujudnya dokongan dan perlindungan (Mukaddimah 195). Oleh itu kami syaratkan atas mereka yang menjalankan urusan muslimin, hendaklah daripada kaum yang memiliki *asobiah* yang kuat dan dominan (Mukaddimah: 197)

Kita percaya, projek atau agenda Islam di rantau ini tidak akan menampakkan cahaya selama orang Melayu yang merupakan penduduk majoriti beragama Islam berada dalam keadaan lemah dan dipolitikkan (*musayrasah*). Aibnya bukan kepalang apabila kita menjadi bangsa majoriti tidak memiliki kekuatan untuk membuat kata putus secara merdeka di bumi sendiri.

Oleh itu adalah menjadi gagasan kita untuk membangunkan semula bangsa Melayu supaya ia menjadi bangsa yang kuat yang boleh menentukan kata putus dalam hal kepentingan diri dan masa depan mereka. Dengan itu mereka layak menjadi bangsa memimpin dan menerajui risalah Islam. Justeru kita perlu merawat kekusutan pemikiran politik yang dihadapi oleh orang Melayu hari ini dengan mengemukakan satu agenda yang kuat berdasarkan pemahaman yang betul terhadap Islam dan kehendak siyasah syar'iyah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sejarah menunjukkan mana-mana bangsa di dunia berjuang demi mempertahankan;

- 1- Hak mereka untuk wujud (*ithbat zati*)
- 2- Hak mereka untuk survival (*tahqiq zati*)
- 3- Hak mereka untuk membuat keputusan terhadap masa depan

Bangsa yang merdeka memiliki hak-hak asasi ini tanpa boleh diganggu gugat atau di ancam oleh orang lain. Inilah juga tujuan yang dikehendaki oleh Islam. Kita menjadi bangsa yang memiliki kebebasan kehendak yang dapat melaksanakan tujuan hidupnya sebagai seorang Muslim. Dalam kitab fiqh tradisional menyebut istilah *حفظ الحوزة والذب عن البيضة* iaitu kekuatan yang membolehkan mereka memelihara kedaulatan tanahair dan mempertahankan maruah bangsa.

1. *وقاتلوهم حتى لا تكون فتنة و يكون الدين كله لله*
Maksudnya; “Dan hendaklah kamu memerangi mereka sehingga tiada lagi fitnah dan ketundukan seluruhnya kepada Allah” (al-Anfal: 39). Menurut al-Zamakhshari (1972) fitnah ialah syarat dan tiada lagi Din selain Din Islam .
2. *هو الذي أرسل رسوله بالهدى و دين الحق ليظهره على الدين كله و لو كره المشركون*
Dialah yang mengutuskan dengan hidayah dan Din yang benar supaya ia mengatasi semua agama (al-Saf: 9).
3. *ولن يجعل الله للكافرين على المؤمنين سبيلا*
Dan Allah tidak memberikan ruang untuk orang kafir mengatasi orang mukmin (al-Nisa: 141). Menurut al-Qurtubi (1967), Allah s.w.t. tidak memberi peluang kepada orang kafir menghapuskan negara orang beriman, menghilangkan impak mereka dan menghapuskan kehormatan mereka, Allah s.w.t. tidak memberi ruang di sisi syariat, orang kafir mengatasi orang yang beriman. Jika ia berlaku maka ini adalah suatu yang tidak diiktiraf oleh syara’.
4. *اليوم أكملت لك دينكم و أتممت عليكم نعمتي ورضيت لكم الاسلام ديناً*
Hari ini Aku sempurnakan agama kamu, Aku cukupkan kepada kamu nikmatKu dan aku redha Islam sebagai agama Kamu.

Dalam konteks negara Malaysia dengan strukturnya hari ini, adalah menjadi tuntutan *siyasaḥ syar’iyyah* kita mencapai suasana atau komposisi di mana umat Islam dapat

merealisasikan matlamat hidup mereka seperti yang direndai oleh Allah s.w.t. dan dapat mempertahankan kepentingan mereka tanpa boleh dicabar oleh orang lain. Malaysia adalah negara Islam dan kita wajib mempertahankannya sebagaimana sepatutnya. Mana-mana pihak tidak berhak menggadai kedaulatan negara sebagai sebuah negara Islam dengan membawa apa-apa ideologi yang akan menghakis terus kedudukan agama Islam dan ketuanan Melayu.

Orang Melayu perlu bangkit dan memperbetulkan keadaan. Kita harus mengambil kesempatan dari situasi asak-mengasak ini untuk memperkukuhkan lagi kedudukan bukan terus mengalah dan berundur. **Di sini kami mencadangkan perdamaian antara Islamis dengan Nasionalis atas satu agenda membangunkan sebuah bangsa yang hebat.** Kami berpendapat pergaduhan antara islamis dan nasionalis sudah tidak relaven lagi, berlarutan dalam pergaduhan menyebabkan kita terpesong dari tujuan asal dan berkemungkinan terjebak dalam agenda yang disusun oleh orang lain.

Antara Dua pilihan

Orang Melayu hanya ada dua pilihan; samada bangkit bersatu atas agenda sendiri atau terus berpecah dengan melaksanakan agenda orang lain. Oleh sebab itu maka ISMA mengumumkan pendirian untuk menyusun gerak kerjanya menjurus kepada gagasan membangunkan semula keperibadian Melayu sebagai umat yang memiliki risalah.

Membina jatidiri atas keperibadian Islam yang betul

Bersatu atas satu agenda

Menjadi bangsa yang kuat

Memimpin agenda Islam

Berusaha melakukan apa sahaja tindakan ke arah mewujudkan situasi di mana bangsa Melayu memiliki wewenang yang mutlak (sifat keupayaan memaksa kehendak dengan kekuatan) dalam menentukan agenda mereka sendiri berasaskan Islam. Ini adalah landasan yang akan menentukan pendirian dan tindak tanduk dakwah dan politik.

Dan hendaklah kamu menyiapkan diri kamu sedaya mampu menggunakan segala sebab kekuatan. Kekuatan akidah, kekuatan ukhuwah dan kesatuan, kekuatan lengan dan senjata. Sesungguhnya tanpa wujud ketiga-tiga jenis kekuatan tersebut orang Melayu tidak akan dapat memiliki kekuatan untuk memperjuangkan agenda sendiri.

Kesatuan umat

Salah satu penghalang kepada Melayu hari ini untuk menjadi bangsa terhormat dan memimpin ialah isu perpecahan. Malaysia adalah sebuah negara yang dihuni oleh berbagai bangsa dan agama. Orang Melayu merupakan golongan majoriti. Mereka sepatutnya boleh memaksa kehendak mereka dalam hal ehwal kenegaraan, apa lagi sejarah dan struktur masih sedikit sebanyak memihak kepada mereka. Tetapi itu tidak berlaku lagi. Sebabnya yang utama ialah perpecahan dan kepartian yang melampau.

وأطيعوا الله ورسوله ولا تنازعوا فتفشلوا وتذهب ريحكم واصبروا ان الله مع الصابرين

Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, jangan kamu bertelagah sesama sendiri, nescaya kamu akan gagal, dan akan hilanglah kekuatan kamu semua, bersabarlah, sesungguhnya Allah bersama orang yang bersabar (al-Anfal: 46).

Dengan sebab perpecahan ini, mereka hilang kekuatan pengaruh dan dominasi yang mengizinkan mereka memaksa kehendak, menjaga kedaulatan negara dan mempertahankan kehormatan.

Oleh itu ISMA berpendapat, **bersatu atas satu agenda merupakan satu kefardhuan yang mesti dilaksanakan.** Oleh itu ISMA akan berusaha mendidik anak bangsa dengan thaqafah kesatuan seperti yang dituntut oleh agama. Menyebarkan sikap toleransi

terhadap perbezaan pendapat dan mazhab serta menyedarkan mereka dengan agenda bangsa yang lebih besar. Besar harapan ISMA untuk melihat pihak-pihak yang bertelagah dalam negara kembali ke landasan dan disiplin *siyasah syar'iyah* dan jadikan ia siling atau batasan dalam bertindak. Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak suka orang yang melanggar batasan.

ABDULLAH ZAIK B ABD. RAHMAN
PRESIDEN IKATAN MUSLIMIN MALAYSIA (ISMA)
30 JAN 2010